

DATE: **21 APRIL 2016 (THURSDAY)**

MEDIA: **SINAR HARIAN ONLINE – KES TIBI MASIH TINGGI DI PAHANG**

Retrieved from: <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/kes-tibi-masih-tinggi-di-pahang-1.511981>

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
ONLINE

DAPATKAN EDISI SINAR DIGITAL.  
HANYA RM30 SEBULAN.

LANGGANI SEKARANG



ENGLISH Nasional Politik Edisi Semasa Bisnes Global Hiburan Sukan Ke

VIRAL FAKTA AUTA CIKGU CIKGI KAMPUS TURBO REHAL ULTRAS WOW MAI

LION  
Gaya Raya **TOP** BERSAMA Menangi Rekaan Bernilai **RM37,000**  
& Rizman Ruzaini  
KLIK UNTUK MENANGGI  
RIZMAN RUZAINI

## Kes tibi masih tinggi di Pahang

WARTAWAN SINAR HARIAN  
21 APRIL 2016



*Dr Azuwa (lima, kiri) menyempurnakan simbolik perasmian Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Daerah, semalam dengan diiringi tetamu kehormat*

BERA - Daerah Bera mencatatkan penurunan kes tibi sebanyak 43 kes pada tahun lepas berbanding 45 kes pada 2014 dan 55 kes pada 2013.

Pegawai Kesihatan daerah, Dr Azuwa Arif berkata, walaupun statistik itu merekodkan penurunan berdasarkan angka, namun kesedaran masyarakat terhadap bahaya penyakit ini masih rendah.

Menurutnya, kebanyakannya pesakit hanya mendapatkan rawatan setelah keadaan diri atau simptom tibi semakin teruk, sehingga sukar dirawat.

"Kes tibi di negeri ini masih mencatatkan angka tinggi iaitu 896 kes pada 2015 berbanding 886 kes pada tahun sebelumnya.

"Sepanjang tahun lepas, sebanyak 75 peratus kes tibi dikesan di hospital dan selebihnya dikesan di klinik kesihatan. Kalau lihat dari sudut peratusan, kami kesan mereka yang sudah teruk mengidap penyakit baharulah merujuk ke hospital," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Daerah di Dewan Orang Ramai Kemayan Jaya, semalam.

Jelasnya, apabila kes individu terbabit dikesan di hospital, ia bermakna paru-paru pesakit sudah rosak dan sukar dirawat.

Dr Azuwa berkata, menerusi program ini, sekurang-kurangnya masyarakat didedahkan mengenai penyakit ini, dan bertindak segera jika mengalami simptom berkaitan.

Tegasnya, tidak perlu menunggu tempoh dua minggu untuk pemeriksaan jika batuk berterusan, sebaliknya lebih baik mendapatkan pemeriksaan selepas tiga hari batuk tanpa henti.

"Kalau penyakit itu dikesan awal, ia boleh disembuhkan dengan efektif. Strategi untuk menghalang penyebaran kuman adalah menerusi pemberian imunisasi.

"Rekod pencapaian di Bera sepanjang 2015, seramai 1,282 daripada 1,294 bayi dilahirkan, berjaya diberi pelalian BCG. Bakinya tidak dapat diberi kerana bayi meninggal dunia. Ini mencatatkan 99.3 peratus kejayaan dicapai," katanya.